



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN bakal bentang Lemon Law lindungi pengguna

Penggubalan kukuh mekanisme penyelesaian pertikaian dan tuntutan tebus rugi lebih terperinci

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Isu Lemon Law berkaitan tuntutan tebus rugi pengguna antara lima tumpuan utama agenda reformasi undang-undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkaitan perlindungan pengguna disasarkan untuk dibentangkan di Parlimen tahun ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata penggubalan peruntukan berkaitan Lemon Law bertujuan memperkukuh mekanisme penyelesaian pertikaian dan tuntutan tebus rugi yang lebih terperinci, khususnya membabitkan pembelian kenderaan baharu.

“Sebenarnya kita sudah ada undang-undang sedia ada bukannya tidak ada langsung tetapi ada kelompangan yang perlu kita tangani.

“Isu ini penting tetapi untuk memastikan pendekatan terbaik termasuklah penerimaan daripada industri serta melihat amalan terbaik oleh beberapa negara yang memiliki akta berkaitan,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan amanat Ta-



Armizan (tiga dari kanan) menyaksikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Abdul Rashid Musa (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci kepada wakil pemenang cabutan bertuah mega pada amanat Tahun Baharu 2026 KPDN di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

hun Baharu 2026 KPDN, di sini semalam.

Selain Lemon Law, Armizan berkata, KPDN turut menyasarkan pindaan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi memperkasa penyiasatan serta penguatkuasaan terhadap kartel dan monopoli bermasalah yang menjejaskan pengguna.

“Kedua-dua akta ini dijangka dibentangkan untuk bacaan pertama pada hujung persidangan Parlimen kali ini,” katanya.

Beliau berkata, dalam menghadapi cabaran transaksi digital, penggubalan atau penambahbaikan undang-undang berkaitan e-dagang melalui Akta Perdagangan Elektronik 2006 turut menjadi sebahagian daripada agenda reformasi bagi meningkatkan akauntabiliti platform dan per-

indungan pengguna.

“Kita melihat apakah bentuk kawal selia yang kita perlu lakukan supaya kepentingan pengguna itu dapat kita lindungi mereka yang membeli di platform e-dagang terjamin, barang yang dibeli itu, sampai sebagaimana kualiti dan kuantiti yang ditetapkan,” katanya.

Industri berkembang mampan

Armizan berkata, kementerian juga merancang meminda Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 bagi membantaras penipuan serta eksploitasi pengguna, selain memastikan industri berkembang secara beretika dan mampan.

Beliau berkata, turut dirancang ialah penggubalan Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar bagi me-

wujudkan sistem pendaftaran kepentingan bercagar ke atas harta alih sebagai cagaran pinjaman, sekali gus memberi kejelasan dan keselamatan kepada pengguna serta pemberi pinjaman.

Sementara itu, Armizan berkata, amanat yang disampaikan beliau bertemakan ‘KPDN KITA: Memaknai Aspirasi Rakyat’ menegaskan kesinambungan pelaksanaan kerangka besar hala tuju kementerian yang digerakkan sejak 2024.

Beliau berkata, hala tuju berkenaan merangkumi empat fokus utama iaitu Ketangkasan Penguatkuasaan, Pemacu Ekonomi Domestik, Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan serta Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) sebagai Pendekatan Seluruh Negara (K.P.D.N.).

KPDN akan gubal, pinda beberapa undang-undang lindungi pengguna

PUTRAJAYA : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggubal serta meminda beberapa undang-undang utama tahun ini bagi memperkukuh perlindungan pengguna.



Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata antaranya ialah penggubalan peruntukan berkaitan *Lemon Law* di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menetapkan prosedur atau mekanisme penyelesaian pertikaian tuntutan tebus rugi bagi pembelian kenderaan baharu.

"Sebenarnya kita sudah ada undang-undang berkaitan... bukannya tidak ada langsung tetapi masih ada kelemahan yang perlu kita tangani.

"Isu ini penting untuk memastikan pendekatan terbaik termasuklah *buy-in* dan penerimaan daripada industri... maka kita perlu melaksanakan libat urus dan perbandingan untuk penanda aras terhadap amalan terbaik yang dilaksanakan oleh beberapa negara lain," katanya pada sidang media selepas menyampaikan amanat tahun baharu kepada warga KPDN pada

Rabu.

Armizan berkata pihaknya juga akan menggubal atau meminda undang-undang berkaitan e-dagang bagi menangani peningkatan aduan pengguna serta memastikan ekosistem e-dagang yang lebih kondusif dan mampan.

"Kita melihat apakah bentuk kawal selia yang kita perlu lakukan supaya kepentingan pengguna dapat kita lindungi iaitu apabila mereka membeli melalui platform e-dagang, terjamin barang yang sampai sebagaimana kualiti dan kuantiti yang ditekankan," katanya.

Armizan berkata kedua-dua perkara itu adalah antara lima kluster reformasi undang-undang dan institusi KPDN yang disasarkan untuk dibentang di Parlimen tahun ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan meminda Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 bagi memperkukuh kawal selia terhadap amalan jualan langsung serta skim pelaburan berisiko agar pengguna dilindungi daripada penipuan dan eksploitasi.

Selain itu Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar akan digubal bagi mewujudkan sistem pendaftaran untuk kepentingan bercagar ke atas harta alih sebagai cagaran pinjaman selain meminda Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya

Persaingan 2010 bagi memperkasa kuasa kawal selia Suruhanjaya Persaingan Malaysia dalam memerangi kartel atau monopoli bermasalah dalam pasaran.

Beliau juga berkata pada tahun ini, KPDN memberi fokus untuk menterjemahkan segala perancangan kepada pelaksanaan pelan tindakan yang impaknya dapat dirasakan secara langsung oleh rakyat.

Armizan berkata usaha itu memabitkan tiga indikator iaitu *blueprint*, *footprint* dan *imprint*.

Ia bermakna dasar dan pelan (*blueprint*) akan dilaksanakan dalam bentuk inisiatif, program serta penguatkuasaan (*footprint*) yang menghasilkan hasil (*imprint*) yang boleh diukur melalui petunjuk prestasi, kestabilan harga dan penyertaan rakyat.

"Kita telah memutuskan untuk meneruskan kesinambungan pelaksanaan kerangka besar hala tuju yang telah dilaksanakan sejak 2024 yang melibatkan empat fokus iaitu Ketangkasan Penguatkuasaan, Pemacu Ekonomi Domestik, Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan serta NACCOL (Majlis Tindakan Sara Hidup Negara).

"Bagi tahun 2026 gerak kerja hala tuju ini dijangka dengan menggariskan tiga indikator iaitu *blueprint*, *footprint* dan *imprint* untuk memastikan aspirasi rakyat dimaknai," katanya. -Bernama

Perkasa perlindungan pengguna: Lemon Law, Akta E-Dagang antara fokus KPDN tahun ini

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggubal serta meminda beberapa undang-undang utama tahun ini bagi memperkukuh perlindungan pengguna.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata antaranya ialah penggubalan peruntukan berkaitan Lemon Law di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menetapkan prosedur atau mekanisme penyelesaian pertikaian tuntutan tebus rugi bagi pembelian kenderaan baharu.

"Sebenarnya, kita sudah ada undang-undang berkaitan... bukannya tidak ada langsung tetapi masih ada kelemahan yang perlu kita tangani.

"Isu ini penting untuk memastikan pendekatan terbaik termasuklah buy-in dan penerimaan daripada industri... maka, kita perlu melaksanakan libat urus dan perbandingan untuk penanda aras terhadap amalan terbaik yang dilaksanakan oleh beberapa negara lain," katanya pada sidang media selepas

menyampaikan amanat tahun baharu kepada warga KPDN di sini semalam.

Armizan berkata pihaknya juga akan menggubal atau meminda undang-undang berkaitan e-dagang bagi menangani peningkatan aduan pengguna serta memastikan ekosistem e-dagang yang lebih kondusif dan mampan.

"Kita melihat apakah bentuk kawal selia yang kita perlu lakukan supaya kepentingan pengguna dapat kita lindungi iaitu apabila mereka membeli melalui platform e-dagang, terjamin barang yang sampai sebagaimana kualiti dan kuantiti yang ditetapkan," katanya.

Armizan berkata kedua-dua perkara itu adalah antara lima kluster reformasi undang-undang dan institusi KPDN yang disasarkan untuk dibentang di Parlimen tahun ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan meminda Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 bagi memperkukuh kawal selia terhadap amalan jualan langsung serta skim pelaburan berisiko agar pengguna dilindungi



KENANGAN: Armizan (tengah) bergambar pada Majlis Perutusan KPDN Tahun 2026 di Dewan Serba Guna KPDN semalam. — *Gambar Bernama*

daripada penipuan dan eksploitasi.

Selain itu, Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar akan digubal bagi mewujudkan sistem pendaftaran untuk kepentingan bercagar ke atas harta alih sebagai cagar pinjaman selain meminda Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi memperkasa kuasa kawal selia Suruhanjaya Persaingan

Malaysia dalam memerangi kartel atau monopoli bermalah dalam pasaran.

Beliau juga berkata pada tahun ini, KPDN memberi fokus untuk menterjemahkan segala perancangan kepada pelaksanaan pelan tindakan yang impaknya dapat dirasai secara langsung oleh rakyat.

Armizan berkata usaha itu membabitkan tiga indikator iaitu blueprint, footprint dan imprint.

Ia bermakna dasar dan pelan (blueprint) akan dilaksanakan dalam bentuk inisiatif, program serta penguatkuasaan (footprint) yang menghasilkan hasil (imprint) yang boleh diukur melalui petunjuk prestasi, kestabilan harga dan penyertaan rakyat.

"Kita telah memutuskan untuk meneruskan kesinambungan pelaksanaan kerangka besar hala tuju yang telah dilaksanakan sejak 2024 yang

melibatkan empat fokus iaitu Ketangkasan Penguatkuasaan, Pemacu Ekonomi Domestik, Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan serta NACCOL (Majlis Tindakan Sara Hidup Negara).

"Bagi tahun 2026, gerak kerja halatuju ini dijanjikan dengan menggariskan tiga indikator iaitu blueprint, footprint dan imprint untuk memastikan aspirasi rakyat dimaknai," katanya. — *Bernama*

FRAMEWORK FOR COMPENSATION CLAIMS

Ministry pushing for 'lemon law'

PUTRAJAYA: The proposed "lemon law", which streamlines consumer compensation claims, is one of five key legal reforms under the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's consumer protection agenda.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the proposed law aims to strengthen dispute resolution mechanisms and provide a clear framework for compensation claims, particularly in the purchase of new vehicles.

"This is an important issue, and we must also consider industry acceptance and study the best practices in countries that have such legislation," he told a press conference after his New Year address to his ministry here.

Aside from the lemon law, Armizan said the ministry is also pursuing amendments to the Competition Act and the Competition Commission Act.

The bills to amend these laws are expected to be tabled for their first reading towards the end of the current Dewan Rakyat sitting.

He said the Electronic Commerce

Act 2006, which regulates e-commerce, will also be updated to improve platform accountability and strengthen consumer protection.

The proposed changes to the law seek to compel e-commerce platforms to ensure that purchased items match their promised quality and quantity.

Amendments to the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act will address fraud and unethical practices, and promote sustainable industry development.

A law governing secured interests in movable property is also in the works. It aims to provide greater clarity and protection for consumers and lenders by establishing a registration system for as-

sets used as loan collateral.

Armizan said his New Year address highlighted the continuity of the ministry's policy framework, which had been implemented since 2024.

The framework rests on four main pillars: enforcement agility, domestic economic drivers, consumer empowerment and advocacy, together with the National Action Council on Cost of Living as a whole-of-nation approach.

This year, the ministry planned to reinforce its approach using three key indicators to ensure public aspirations were meaningfully realised. Armizan said the ultimate goal was to ensure the ministry's plans deliver concrete benefits.



KPDN to focus on Lemon Law, and E-Commerce Act reforms

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will draft and amend several key laws this year to bolster consumer protection, said Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic).



He said this includes drafting provisions for a 'Lemon Law' under the Consumer Protection Act 1999 to establish procedures and dispute-resolution mechanisms for compensation claims involving new vehicle purchases.

"Actually, we already have relevant laws in place, but there are still loopholes that need to be addressed.

"This issue is important to ensure the most effective approach, including buy-in and industry support, as such, we will engage stakeholders and benchmark against best practices from other countries," he told a press conference after delivering his New Year message to KPDN staff here on Wednesday.

Armizan said the ministry will also draft or amend e-commerce laws to address rising consumer complaints and support a more sustainable and conducive e-commerce ecosystem.

"We are looking at the type of regulations needed to protect consumers, ensuring that goods purchased through e-commerce platforms meet the specified quality and quantity," he said.

Armizan said these two initiatives are part of five clusters of KPDN's legal and institutional reforms, which are targeted for tabling in Parliament this year.

He added that the ministry will also

amend the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 to strengthen oversight of direct selling and high-risk investment schemes, protecting consumers from fraud and exploitation.

The ministry will also draft the Movable Property Security Interest Law to establish a registration system for security interests over movable property used as loan collateral.

Additionally, amendments to the Competition Act 2010 and the Competition Commission Act 2010 will empower the Malaysia Competition Commission (MyCC) to better regulate and address cartels and monopolies in the market.

In the meantime, Armizan said KPDN's focus this year is also to implement action plans that deliver direct benefits to the public.

He explained that this effort will be measured by three indicators: blueprint, footprint, and imprint.

This means that policies and plans (blueprints) will be implemented through initiatives, programmes, and enforcement (footprints), resulting in measurable outcomes (imprints) such as performance indicators, price stability, and public participation.

"We have also decided to continue the directional framework introduced in 2024, which focuses on Enforcement Agility, Driving the Domestic Economy, Consumer Capability and Advocacy, and the National Action Council on Cost of Living (NACCOL).

"For 2026, the movement of this direction will be shifted by outlining the three indicators, namely blueprint, footprint, and imprint to ensure the people's aspirations are fulfilled," he said. – Bernama



KPDN to draft Lemon Law, E-Commerce Act reforms this year

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will draft and amend several key laws this year to bolster consumer protection, said Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said this includes drafting provisions for a 'Lemon Law' under the Consumer Protection Act 1999 to establish procedures and dispute-resolution mechanisms for compensation claims involving new vehicle purchases.

"Actually, we already have relevant laws in place, but there are still loopholes that need to be addressed.

"This issue is important to ensure the most effective approach, including buy-in and indus-

try support, as such, we will engage stakeholders and benchmark against best practices from other countries," he told a press conference after delivering his New Year message to KPDN staff here yesterday.

Armizan said the ministry will also draft or amend e-commerce laws to address rising consumer complaints and support a more sustainable and conducive e-commerce ecosystem.

"We are looking at the type of regulations needed to protect consumers, ensuring that goods purchased through e-commerce platforms meet the specified quality and quantity," he said.

Armizan said these two initiatives are part of five



Armizan said these two initiatives are part of five clusters of KPDN's legal and institutional reforms, which are targeted for tabling in Parliament this year.

clusters of KPDN's legal and institutional reforms, which are targeted for tabling in Parliament this year.

He added that the ministry will also amend the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 to

strengthen oversight of direct selling and high-risk investment schemes, protecting consumers from fraud and exploitation.

The ministry will also draft the Movable Property Security Interest Law to es-

tablish a registration system for security interests over movable property used as loan collateral.

Additionally, amendments to the Competition Act 2010 and the Competition Commission Act 2010 will empower the Malaysia Competition Commission (MyCC) to better regulate and address cartels and monopolies in the market.

In the meantime, Armizan said KPDN's focus this year is also to implement action plans that deliver direct benefits to the public.

He explained that this effort will be measured by three indicators: blueprint, footprint, and imprint.

This means that policies and plans (blueprints) will be implemented through

initiatives, programmes, and enforcement (footprints), resulting in measurable outcomes (imprints) such as performance indicators, price stability, and public participation.

"We have also decided to continue the directional framework introduced in 2024, which focuses on Enforcement Agility, Driving the Domestic Economy, Consumer Capability and Advocacy, and the National Action Council on Cost of Living (NACCOL).

"For 2026, the movement of this direction will be shifted by outlining the three indicators, namely blueprint, footprint, and imprint to ensure the people's aspirations are fulfilled," he said. — Bernama



PEGAWAI KPDN memeriksa lori yang disyaki menyeleweng minyak dalam serbuan di Kampung Permatang Gedong.

Sita 12,100 liter diesel di dua lokasi serbuan

Sungai Petani: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah bersama KPDN Cawangan Sungai Petani dan Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah melakukan serbuan di dua lokasi yang disyaki berlaku penyelewengan minyak diesel di Kampung Permatang Gedong, di sini, pada Isnin lalu.

Serbuan dilakukan sekitar jam 2 petang itu berdasarkan hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan KPDN Kedah.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, dalam serbuan pertama, pihaknya mengesan sebuah lori membuat pengisian minyak diesel di stesen minyak di kawasan itu.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut ke atas lori itu menemukan sejumlah minyak diesel berada di dalam dua buah tangki IBC.

“Susulan daripada itu, KPDN Kedah kemudiannya membuat serbuan ke atas sebuah stor yang disyaki menjadi tempat pengumpulan dan penyimpanan minyak diesel

berhampiran kawasan.

“Kita turut menyita minyak diesel dianggarkan sebanyak 12,100 liter dengan nilai RM34,364 dan sebuah lori serta dua unit tangki IBC dan peralatan berkaitan untuk siasatan lanjut.

“Jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM111,500 dan seorang lelaki tempatan yang berusia antara 20-an ditahan untuk siasatan lanjut,” katanya.

Muhammad Nizam berkata, dua kes terbabit disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan mana-mana orang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan individu.

Beliau berkata, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

“Bagi kesalahan syarikat pula, denda tidak melebihi RM2 juta manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5 juta,” katanya.



▲官员们检验货品。



▲官员们检验称量器具。

闽国内贸易及生活成本部 检查 53 家零售业商铺 2 商家未标价格签吃罚单

(本报纳闽 21 日讯) 纳闽国内贸易及生活成本部今日在纳闽区一带展开由该部监管的相关法律合规检查行动。

此次检查由 7 名纳闽国内贸易及生活

成本部执法人员执行，共检查 53 家零售业商铺，包括餐馆及乡区水果摊位等消费者常到的商业场所。

检查结果显示，执法人员共发出 2 张罚款通知书。其中，一

名商家因未在用于交易的商品上展示价格标签，违反《2011 年价格管制及反暴利法令》(第 723 条文) 而被采取行动；另一名商家则因在商业用途上使用未经重新检

定的称量或计量器具，违反《1972 年度量衡法令》(第 71 条文)，而被处以罚款。

公众如有任何投诉，可通过以下渠道向本部反映：E-投诉平台：<https://eaduan.kpdn.gov.my>；电话：087-423152 (KPDN 纳闽联邦直辖区办公室)；纳闽国内贸易及生活成本部行动室：087-423209；传真：087-452150 (001)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Kata Saya

Bersama
**DR FAIZ
MASNAN**

- Kenaikan kos input dan beban operasi ladang
- Implikasi terhadap keselamatan makanan negara

JIKA kita berkunjung ke pasar raya atau pasar basah hari ini, satu perkara yang jelas ketara ialah harga buah-buahan tempatan yang selalunya lebih mahal berbanding buah import.

Mangga tempatan boleh memecah harga yang hampir sama atau lebih tinggi daripada opal dari China, cran dari Australia, atau anggur dari beberapa negara lain.

Situasi ini menimbulkan persoalan yang wajar, iaitu mengapa hasil tanah air sendiri menjadi kurang mampu untuk bertahan dengan buah yang diimport dari ribuan kilometer jauhnya?

Secara logiknya, buah-buahan tempatan sepatutnya lebih murah kerana tidak melibatkan beberapa kos rentas sempadan antara negeri mahupun negara, seperti kos penghantaran jarak jauh, cukai import, atau risiko pertukaran mata wang asing.

Namun realiti pasaran menunjukkan sebaliknya. Keadaan ini bukan berlaku secara tiba-tiba, tetapi berpunca daripada beberapa masalah struktur dalam rangkaian bekalan pertanian sesebuah negara.

Sebelum kita mengupas isu utama, mari kenal buah-buahan tempatan yang sering dihasilkan, dimakan dan diekspor oleh petani mahupun pengeluar buah tempatan yang ada di negara ini.

Menurut Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, terdapat beberapa buah utama di Malaysia iaitu betik, pisang, nenas, durian, belimbing, jambu batu, ceribikai, mangga, rambutan dan manggis, cempedak dan buah naga.

Berdasarkan kuantiti dan harga, buah durian, pisang dan tembikai mengutip carta tertinggi pengilangan buah, diikuti oleh betik, rambutan, jambu batu, manggis, buah naga, manggis dan cempedak.

Pengetuhan tidak stabil

Antara punca utama ialah skala pengeluaran yang kecil dan tidak konsisten. Jika dilihat dari kuantiti buah-buahan yang dihasilkan, ia mungkin tidak sebanyak yang dihasilkan oleh negara-negara pengeluar buah utama iaitu seperti China, India, Eropah, Australia, Amerika Syarikat



MEMBELI buah-buahan tempatan bermakna menyokong usaha golongan petani di kawasan luar bandar dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka. - CANTERI LASAN

Buah tempatan lebih mahal berbanding buah import?

dan beberapa negara lain.

Di sini, kenyataan petani buah-buahan tempatan menunjukkan kebajikan kecil yang mereka alami kerana kebajikan berskala terhad. Pengeluaran yang tidak mencukupi akibat faktor cuaca, perancangan penanaman dan kekurangan bekalan buah tempatan sukar distabilkan sepanjang tahun.

Apabila bekalan berkurangan, harga meningkat, walaupun permintaan pengguna kekal tinggi.

Selain itu, kos pengeluaran yang tinggi turut menyumbang kepada harga yang mahal. Bagi menghasilkan buah yang berkualiti, beberapa faktor pengeluaran perlu diberi perhatian khusus.

Harga baja, racun perasak, upah buruh memetik gah mahu, dan kos penyelenggaraan kebun yang diperlukan kian meningkat. Akhirnya, kos tersebut diindahkan kepada pengguna yang mengakibatkan peningkatan kepada harga buah-buahan tersebut di pasaran. Ini orang tengah juga tidak boleh dikesampingkan.

Dalam banyak kes, petani tidak menjual terus kepada pengguna atau peruncit besar. Buah-buahan melalui beberapa lapisan pedagang sebelum sampai ke pasaran. Setiap lapisan menambah margin keuntungan,

menyebabkan harga akhir melonjak jauh daripada harga ladang.

Petani menerima pulangan yang rendah, manakala pengguna terpaksa membayar harga yang tinggi. Turut ditambah ialah pengangkutan yang menjadi masalah, pengedaran hasil tanaman tersebut ke banyak lokasi berasingan yang terdapat di seluruh negara.

Hal ini terkait langsung dengan penggunaan bahan bakar seperti petrol dan diesel yang sentiasa berubah mengikut harga pasaran semasa dunia.

Ironinya, buah import pula mendapat manfaat daripada peranan bekalan yang kerap din terancang.

Mesara peroleksi utama mempunyai sistem logistik yang baik, kontrak jangka panjang dengan pembekal, serta keupayaan menyimpan buah-buahan dalam tempoh lama mengikut jenis buah.

Ini membolehkan buah import dijual pada harga yang lebih stabil dan kadangkala lebih murah walaupun kos penghantaran adalah tinggi.

Dari sudut tingkah laku pengguna pula, terdapat kecenderungan untuk mengabaikan buah import sebagai lebih dipandang tinggi, berkualiti, lebih cantik, dan lebih eksklusif.

Persepsi jadi faktor

Persepsi ini mendorong permintaan yang tinggi terhadap buah import, sekaligus memberi tekanan harga kepada buah tempatan yang dilihat kurang menarik dari segi saiz, etarupa, walaupun sebenarnya lebih segar dan berkualiti.

Terdapat juga trend di mana sesetengah jenis buah luar negara tersebut mendapat sambutan hangat pada waktu tertentu yang didorong oleh pengaruh di media sosial yang akhirnya membantu meningkatkan lagi permintaan buah dari luar negara tersebut.

Sebagai rakyat, isu ini perlu dilihat bukan sekadar soal harga, tetapi soal keselamatan makanan dan kelangsungan sektor pertanian negara.

Jika petani tempatan terus tertekan dan hasil mereka tidak mampu bersaing di pasaran, generasi muda akan semakin menjauhi sektor pertanian sebagai bidang kerjaya di masa hadapan.

Dalam jangka panjang, negara akan menjadi lebih bergantung kepada import makanan, sekaligus memberi risiko gangguan bekalan global terhadap perisian negara. Penyelesaiannya memerlukan pendekatan yang menyeluruh, Organisasi yang berkaitan

boleh menepadukkan sokongan kepada petani melalui subsidi bersasar, latihan teknologi pertanian moden, bantail penyampaian nilai berikatan pertanian, khusus, serta platform pemasaran terus kepada pengguna dan pembekal. Pengurangan peranan orang tengah dan penguatkuasaan koperasi petani juga membantu menstabilkan harga.

Pada masa yang sama, kempen kesedaran umum perlu digiatkan bagi mengubah persepsi pengguna terhadap nilai buah tempatan.

Akhirnya, persoalan mengenai buah tempatan lebih mahal daripada buah import bukan sekadar isu ekonomi, tetapi cerminan ketahanan kita sebagai sebuah negara.

Menyokong buah-buahan tempatan bermakna menyokong petani, ekonomi luar bandar, tenaga kerja mahir dan masa depan keselamatan makanan Malaysia.

Jika isu ini tidak ditangani secara serius, kita mungkin akan terus menyaksikan hasil bumi sendiri menjadi barang mewah di tanah air sendiri.

DR. FAIZ MASNAN ialah Pengerusi Kanan Faciliti Fertilisat & Komuniti, Universiti Malaysia Perlis.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Jan	Perkasa Perlindungan Pengguna: Lemon Law, Akta E-dagang Antara Fokus KPDN Tahun Ini - Armizan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2514980	BERNAMA
22-Jan	Lemon Law antara 5 undang-undang perlindungan pengguna bakal dibentang tahun ini	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/01/1499461/lemon-law-antara-5-undang-undang-perindungan	BERITA HARIAN
22-Jan	E-dagang, 'lemon law' antara lima reformasi perundangan KPDN tahun ini	https://www.buletintv3.my/nasional/e-dagang-lemon-law-antara-lima-reformasi-perundangan-kpdn-tahun-ini/	TV3
22-Jan	KPDN sasar pinda, gubal lima akta tahun ini	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/01/kpdn-sasar-pinda-gubal-lima-akta	UTUSAN
22-Jan	Lemon Law antara 5 undang-undang perlindungan pengguna bakal dibentang tahun ini	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/01/1313514/lemon-law-antara-5-undang-undang-perindungan-pengguna-bakal-dibentang	HARIAN METRO
22-Jan	KPDN laksana reformasi lima kluster undang-undang, institusi	https://malaysiagazette.com/2026/01/21/kpdn-laksana-reformasi-lima-kluster-undang-undang	MALAYSIA GAZETTE
22-Jan	KPDN rancang gubal, pinda undang-undang utama tahun ini – Armizan	https://malaysiagazette.com/2026/01/21/kpdn-rancang-gubal-pinda-undang-undang-utama-tahun-ini	MALAYSIA GAZETTE
22-Jan	KPDN gubal lemon law, akta e-dagang tahun ini untuk lindungi pengguna	https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-gubal-lemon-law-akta-e-dagang-tahun-ini-untuk-lindungi-pengguna/	THE SUN

22-Jan	Lemon Law antara lima undang-undang perlindungan pengguna disasar dibentang tahun ini	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/lemon-law-antara-lima-undang-undang-perindungan-pengguna-disasar-dibentang-tahun-ini/	MALAYSIA TRIBUNE
22-Jan	Lemon Law antara 5 undang-undang perlindungan pengguna bakal dibentang tahun Ini	https://malaysia.shafaqna.com/MY/AL/4214380	MALAYSIA SHAFQAQA
22-Jan	KPDN rancang gubal, pinda undang-undang utama tahun ini – Armizan	https://malaysiaga-zette.com/2026/01/21/kpdn-rancang-gubal-pinda-undang-undang-utama-tahun-ini-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
22-Jan	KPDN Kedah sita 12,100 liter minyak diesel dalam serbuan di dua lokasi	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/01/1313457/kpdn-kedah-sita-12100-liter-minyak-diesel-dalam-serbuan-di-dua-lokasi	HARIAN METRO
22-Jan	KPDN Kedah sita 12,100 liter minyak diesel dalam serbuan di dua lokasi	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-sita-12100-liter-minyak-diesel-dalam-serbuan-di-dua-lokasi/	TV3
22-Jan	KPDN Tahan Seorang Lelaki, Sita Lebih 12,000 Liter	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2514927	BERNAMA
22-Jan	罗里添油行径可疑 内贸部起逾1万公升柴油	https://berita.rtm.gov.my/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kedah-sita-lebih-12000-liter-diesel-subsidi-dalam-operasi-bersepadu/	RTM
22-Jan	Dua peniaga dikompaun, langgar peruntukan undang-undang	https://sabahmedia.com/2026/01/21/dua-peniaga-dikompaun-langgar-peruntukan-undang-undang/	SABAH MEDIA

22-Jan	Belum ada keputusan henti insentif gula RM42 juta, kata Fuziah	https:// www.freemalaysiatoday.com/ category/bahasa/ tempatan/2026/01/21/belum- ada-keputusan-henti-insentif-	FMT
22-Jan	No decision yet on ending RM42mil monthly sugar subsidy, says Fuziah	https:// www.freemalaysiatoday.co m/category/ nation/2026/01/21/no- decision-yet-on-ending- rm42mil-monthly-sugar-	FMT
22-Jan	今年落实多项法律改革 包括“柠檬法”与电商监管	https://www.enanyang.my/ news/20260121/ Nation/1140998	ENANYANG
22-Jan	KPDN garis hala tuju 2026 berteras K.I.T.A., fokus penguatkuasaan dan perlindungan pengguna	https:// harapan- daily.com/2026/01/21/kpdn- garis-hala-tuju-2026- berteras-k-i-t-a-fokus- penguatkuasaan-dan- perindungan-pengguna/	HARAPAN DAILY
22-Jan	KPDN sasar lima kluster reformasi undang-undang dibentang di Parlimen tahun ini	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-sasar-lima- kluster-reformasi- undangundang-dibentang- di-parlimen-tahun-ini-	ASTRO AWANI
22-Jan	KPDN perkukuh usaha lindung pengguna	https://berita.rtm.gov.my/ senarai-berita-nasional/ senarai-artikel/kpdn- perkukuh-usaha-lindung- pengguna/	RTM
22-Jan	KPDN sasar pinda, gubal lima akta tahun ini	https:// www.kosmo.com.my/2026/ 01/21/kpdn-sasar-pinda- gubal-lima-akta-tahun-ini/	KOSMO
22-Jan	Kementerian KPDN akan gubal lemon law dan akta e-dagang tahun ini antara lima kluster reformasi undang-undang bagi perkasa perlindungan pengguna.	https://rentkl.com.my/kpdn- gubal-lemon-law-akta-e- dagang-tahun-ini-untuk- lindungi-pengguna/	RENT KL

22-Jan	KPDN To Focus On Lemon Law, E-commerce Act Reforms This Year - Armizan	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2515058	BERNAMA
22-Jan	Domestic trade ministry to focus on Lemon Law, e-commerce act reforms this year — Armizan	https://theedgemalaysia.com/node/790070	THE EDGE
22-Jan	Armizan: Lemon Law, e-commerce amendments among key consumer protection reforms in 2026	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/01/21/armizan-lemon-law-e-commerce-amendments-among-key-consumer-protection-reforms-in-2026/206242	MALAYMAIL
22-Jan	E-Commerce, Lemon Law Among Top Agenda For Domestic Trade And Cost Of Living Ministry	https://www.businesstoday.com.my/2026/01/21/e-commerce-lemon-law-among-top-agenda-for-domestic-trade-and-cost-of-living-ministry/	BUSINESS TODAY
22-Jan	包括“柠檬法” 部长：制5法案 保护消费人	https://www.sinchew.com.my/news/20260121/nation/7206424	SIN CHEW DAILY
22-Jan	内贸部将提呈多项新法案与修正案 保障消费人权益	https://uniteddaily.my/zh/f466db6f-c793-4d63-8639-7120965a2e04/%E5%86%85%E8%B4%B8%E9%83%A8%E5%B0%86%E6%8F%90%E5%91%88%E5%A4%9A%E9%A1%B9%E6%96%B0%E6%B3%95%E6%A1%88%E4%B8%8E%E4%BF%AE%E6%AD%A3%E6%A1%88%E4%BF%9D%E9%9A%9C%E6%B6%88%E8%B4%B9%E4%BA%BA%E6%9D%83%E7%9B%8A	UNITED DAILY
22-Jan	KPDN WP Labuan Keluarkan Dua Notis Kompaun	https://www.nabalunews.com/post/kpdn-wp-labuan-keluarkan-dua-notis-kompaun	NABALU NEWS